



07 FEB, 2025

TNB arah pemberhentian kerja guna helikopter kedua

Sinar Harian, Malaysia



TNB arah pemberhentian kerja guna helikopter kedua

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengarahkan pemberhentian kerja bagi penggunaan helikopter kedua yang terlibat dalam kerja penyelenggaraan di tapak projek TNB di Bentong.

TNB menerusi hantaran di akaun Facebook TNB Careline pada Khamis mengesahkan telah menerima laporan mengenai kejadian sebuah helikopter terhempas ketika mendarat untuk mengisi minyak berdekatan tapak projek TNB

di kawasan Bentong, Pahang.

“TNB akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam siasatan insiden itu dan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa.

“Laporan awal menyatakan bahawa juruterbang berjaya dikeluarkan dengan selamat manakala seorang pekerja syarikat helikopter (warga Indonesia) meninggal dunia,” menurut hantaran itu.

- *Bernama*